



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/12/123 (HQ)

### **200 MURID TERIMA KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN MELALUI PROGRAM JOM KE SEKOLAH TNB 2016**

Dua ratus (200) murid daripada keluarga kurang berkemampuan di daerah Pontian, Johor hari ini menerima sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan dari **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** untuk sesi persekolahan tahun 2016.

Program Jom ke Sekolah atau *Back To School* ini merupakan salah satu program tahunan Tanggungjawab Korporat TNB bagi meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah.

Sumbangan disampaikan oleh Ahli Parlimen Tanjung Piai, Y.B. Datuk Wee Jeck Seng, di Dewan SJKC, Cheow Min, Pontian, Johor. Murid terlibat adalah dari tahun satu hingga enam dari beberapa buah sekolah di Pontian.

Pengurus Besar Negeri (Johor), Bahagian Pembahagian TNB, Mohd Yusof Ibrahim berkata sumbangan TNB termasuklah pakaian seragam sekolah, kasut dan beg sekolah keseluruhannya bernilai RM45,000.

Sumbangan kelengkapan sekolah ini turut dilaksanakan di 15 bagi Kawasan Parlimen di lapan (8) buah negeri iaitu, Sabah, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 4,000 murid-murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM900,000.00.

Sejak dianjurkan pada tahun 2013, seramai 3,788 orang murid daripada 187 buah sekolah di sembilan (9) buah negeri di Semenanjung telah mendapat manfaat dari program ini.

**Dikeluarkan di Pontian, Johor pada 14 Disember 2015**

*Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Md. Derus Bunchit di talian 019-266 2296 /*

*Daud Manap 016-3070880 / Maizatul Nadiah 017-381 6602*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)